

MEMO

KEPADA : **Dato' Abd. Latif Hj. Abu Seman**
Ketua Pengarah MPC

MELALUI : **Suhaimi Hamad**
Pengerusi JPPK

DARIPADA : **Lee Wan Wei**
Pengurus

TARIKH : 8 Mac 2021

PERKARA : **PERMOHONAN PENGEQUALIAN MENGIKUT
PROSEDUR JAWATANKUASA PENGURUSAN
PERKHIDMATAN KEPAKARAN (JPPK) UNTUK
PEMBAYARAN MENTOR BAGI PROGRAM E&E
TECHNOLOGY ADOPTION MENTORING (EETAM)**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

1. Untuk makluman YBhg. Dato, projek E&E Technology Adoption Mentoring (EETAM) dianjurkan bagi membantu pemain industri, terutamanya dalam bidang E&E bagi membolehkan meningkatkan kemahiran dalam Industri4.0 melalui sesi mentoring dan latihan praktikal Industri4.0.
2. Justeru, bagi membolehkan projek ini dilaksanakan, kami bercadang untuk melantik Elliance Sdn Bhd sebagai pembekal bagi melaksanakan projek-projek ini. Antara peranan mereka adalah sebagai mentor dan tenaga pengajar bagi syarikat-syarikat yang akan melibatkan diri dalam Industri4.0 ini. Syarikat Elliance mempunyai pengalaman yang luas dan kepakaran yang khusus dalam pelaksanaan projek dalam bidang Industri4.0 ini. Antara tugas mereka sebelum ini adalah dalam projek EEPN AI Webinar Series 2020, mentor dalam Productivity1010 dan sebagainya.
3. Untuk makluman YBhg. Dato', projek EETAM ini akan melibatkan kos sebanyak RM13,000 secara keseluruhan. Sesi mentoring antara mentor dan syarikat selama 2.5 jam, RM400 sejam untuk 13 syarikat. Projek ini akan berjalan pada Mac-April 2021.
4. Untuk makluman YBhg. Dato', pelantikan ini adalah bagi projek EETAM sahaja disebabkan syarikat beliau masih belum berdaftar melalui JPPK dan kadar yang ditawarkan adalah lebih rendah berbanding yang ditetapkan dalam garis panduan Surat Pekeliling Ketua Pengarah MPC berkaitan Kadar Bayaran Perkhidmatan Kepakaran (Bukan Penjawat Awam & Penjawat Awam) dan Kadar Perkhidmatan Elaun Makan Minum, Penginapan, Tiket Kapal Terbang dan Yuran Kursus bagi Program Produktiviti dan Daya Saing MPC serta Jawatankuasa Pengurusan Perkhidmatan Kepakaran (JPPK) berkuat kuasa pada 15 Februari 2021.

5. Dengan ini, kami ingin memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan pembayaran kepada Elliance Sdn Bhd pada ketika ini dengan pengecualian daripada JPPK.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,



Aiman Zakwan Zahari
Penolong Pengurus
EEN/PGD
Tarikh : 8 Mac 2021

Disokong oleh,



Lee Wan Wei
Pengurus
EEN/PGD
Tarikh : 8 Mac 2021

Melalui Pengerusi JPPK
Disokong/Tidak disokong,



Suhaimi Hamad
Pengerah PGD
Tarikh : 9 Mac 2021



Saliza Saari
Pengerusi JPPK
Tarikh : 19 Mac 2021

Diluluskan oleh,



Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman
Ketua Pengerah
Perbadanan Produktiviti Malaysia